

**CADANGAN MEREKABENTUK
RUANG DALAMAN
HARLEY DAVIDSON CAFÉ & BISTRO
DI LOT 129 , JALAN MAAROF , 56100 BANGSAR ,
KUALA LUMPUR.**

Oleh :

SUHASLIZAN BT. SUKOR

**JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA , PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
KAMPUS SERI ISKANDAR**

APRIL 2006

PENGHARGAAN


Dikesempatan ini ingin saya memanjatkan kesyukuran kehadrat ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya telah dapat melaksanakan tugas ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujuhan kepada Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara Kampus Seri Iskandar, Perak, khususnya Jabatan Senibina dalaman. Sekalung ucapan penghargaan kepada Cik Mawar Bt. Masri selaku Coordinator thesis 386 dan Penyelia thesis iaitu En Abdul Halim Bin Manaf kerana banyak membantu dan memahamiselok belok masalah yang dihadapi sepanjang saya melaksanakan tugas ini.

Pada kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu dan bapa yang tidak berputus asa memberi dorongan dan membantu dari segala aspek.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu saya melaksanakan projek akhir ini. Di harap laporan ini akan berguna kepada semua pihak untuk dijadikan bahan rujukan terutamanya kepada bakal graduan UiTM yang akan melaksanakan projek sepertimana yang telah saya lakukan.

Sekian terima kasih ,



.....
Suhaslizan Binti Sukor

2002286374



ABSTRAK

Kajian akhir yang dilakukan adalah untuk mewujudkan sebuah kafe yang menyajikan makanan barat. Kafe tema iaitu “ Harley Davidson Café and Bistro ” ini mempunyai konsep yang jelas yang akan di ungkapkan dalam sudut rekabentuk dalaman. Ianya akan diterapkan secara simbolik mahupun secara terus bagi menjayakan rekabentuk kafe ini.

Antara kajian yang dilakukan termasuk kajian pemilihan tapak, temuramah, pemerhatian, kajian kes dan soal selidik. Tujuan kajian ini adaah untuk mengkaji kelemahan yang terdapat pada cara pemakanan dan rekabentuk dalaman kafe serta pengurusan sesebuah kafe masa kini.

Kajian-kajian dan proses pengumpulan data akan diterapkan di dalam proses merekabentuk agar tercapai objektif dimana ianya bermatlamatkan rekabentuk ruang yang selesa dan menarik. Antara masalah yang terdapat disepanjang projek ini dijalankan adalah untuk menerapkan konsep ke dalam ruang yang akan di rekabentuk. Skop projek ini merangkumi dalam bangunan dan luar bangunan.



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	I-II
ABSTRAK	III
ISI KANDUNGAN	IV-VIII
SENARAI RAJAH	IX-X
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI LAMPIRAN	XI
SENARAI SINGKATAN	XI

ISI KANDUNGAN MUKA SURAT

BAB 1.0 PENGENALAN

1.1 PENGENALAN KAJIAN	1-3
1.1.1 MATLAMAT	4
1.1.2 OBJEKTIF	4
1.1.3 METODOLOGI	5
1.1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	6
1.2 KLIEN	7
1.2.1 LATAR BELAKANG KLIEN	7
1.2.1.1 Alamat pejabat operasi	7
1.2.2 LOGO	8
1.2.2.1 Warna-warna korporat	9



Di dalam kajian sejarah Eropah menyatakan bahawa kafe membawa maksud kedai kopi. Dari situ masyarakat Eropah dapat minum, bertemu, berbual-bual sambil beristirehat. Kafe dahulunya merupakan sebuah tempat yang agak formal. Perniagaan jenis kafe ini mula berkembang dan bertambah kewujudannya pada abad 80-an.

Perbezaan jenis-jenis restoran adalah dari segi saiz, menu dan kapasiti. Secara keseluruhannya kafe adalah lebih kecil berbanding dengan restoran dari ketiga-tiga aspek tersebut. Secara amnya kafe merupakan suatu tempat persinggahan sementara untuk menjamu selera. Akan tetapi, sejak kebelakangan ini kita dapat lihat kewujudan pelbagai jenis kafe dalam Malaysia bermula sejak awal tahun 90-an. Dalam masa yang sama juga kita dapat melihat satu situasi di mana kafe yang dahulunya menjadi tempat perjumpaan atau tempat melepak bagi orang-orang tua kini sedikit berubah. Ini kerana kafe sekarang lahir dalam pelbagai tema, menampilkan imej yang baru dan kebanyakannya memberikan lebih tema yang berinformasi.

Terdapat juga restoran bervariasikan tema dan gaya beserta fungsi-fungsi tertentu. Antaranya terdapat kafe yang berfokuskan tempat untuk bersosial dan merasai hiburan. Contoh yang boleh diambil adalah seperti *Coffee House* atau *Coffee Shop*, *Deli Café*, kafe bertema, kafeteria dan *Fast Food Café*. Majoritinya kafe-kefe ini agak bebas dan tidak normal. Selain daripada itu, terdapat pula kafe yang juga turut berfungsi sebagai sebuah tempat yang menyediakan perkhidmatan